

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1

## PuTERA35 jamin kemakmuran dinikmati bersama

## PuTERA35 jamin kemakmuran dinikmati bersama

**Putrajaya:** Kerajaan komited memastikan agenda Bumiputera terus diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan sosioekonomi negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) tidak sama sekali akan menafikan hak kaum lain, sebaliknya mampu memberi kesan manfaat kepada semua kaum dalam aspek pembangunan dan kemajuan negara.

Justeru, katanya, kerajaan memperkenalkan hala tuju baharu pembangunan ekonomi Bumiputera menerusi PuTERA35

sebagai satu langkah proaktif untuk mengangkat darjah dan maratab Bumiputera.

"Masih ada ruang dan peluang untuk semua bermuhasabah dan berikhlas dalam mencari solusi terbaik agar sosioekonomi Bumiputera menjadi lebih maju dan makmur."

"Ini dapat dilakukan melalui reformasi struktur ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi," katanya, pada Majlis Peluncuran PuTERA35 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini semalam.

**Potensi, peluang lebih besar**  
Rafizi menerangkan, golongan Bumiputera mempunyai peluang dan potensi untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah tinggi, termasuk industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi.

"Namun, masih terdapat pelbagai isu yang membelenggu Bumiputera pada hari ini, seperti status sosioekonomi yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana serta penyertaan Bumiputera yang terkumpul dalam aktiviti ekonomi

yang mempunyai nilai ditambah yang rendah," katanya.

Katanya, hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera juga belum tercapai sepenuhnya memandangkan perusahaan Bumiputera diihat mempunyai kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai.

"Keterbatasan modal dan sokongan pada peringkat awal, terutama syarikat pemula, turut menjadi faktor kepada isu ini yang seterusnya menyebabkan kebergantungan berterusan kepada geran dan pembiayaan di-

keluarkan kerajaan.  
"Sehingga 2022, Bumiputera hanya mewakili 7.0 peratus daripada syarikat tersenarai awam iaitu 62 syarikat daripada semua 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

"Malah, dalam penyertaan tenaga buruh, kadar pengangguran dalam kalangan Bumiputera juga masih tinggi.

"Justeru, penetapan hala tuju baharu agenda pembangunan Bumiputera menuntut kita untuk melihat isu dan cabaran dari sudut pandang berbeza, sama ada di peringkat domestik atau global," katanya.